

Cadang tubuhkan Jawatankuasa Induk Pengembangan Bahasa Melayu IPT Asean

BERNAMA



Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (tiga, kanan) hadir pada Majlis Pelancaran Kolej Komuniti Satelit di Kompleks Muafakat Sungai Pinggan Benut hari ini. Turut hadir Menteri Besar Johor Datuk Hasni Mohammad (dua, kanan) dan Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Dr Noraini Ahmad (kanan). FOTO BERNAMA

Putrajaya: Cadangan menubuhkan Jawatankuasa Induk Pengembangan Bahasa Melayu Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) Negara-Negara Asean selari dengan aspirasi kerajaan bagi memartabatkan bahasa Melayu di peringkat antarabangsa.

Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Dr Noraini Ahmad berkata, jawatankuasa itu antara lain berperanan untuk merancang pemetaan program kerjasama dalam pelbagai aktiviti seperti penyelidikan, pengembangan bahasa Melayu di IPT di negara-negara Asean dan program terjemahan serta adaptasi karya-karya ilmu.

Katanya, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) turut mengenal pasti 19 universiti di Brunei, Indonesia, Singapura, Thailand dan Filipina yang berpotensi untuk diadakan program-program kerjasama dengan universiti tempatan.

"Dalam hal ini, KPT melantik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui Institut Alam dan Tamadun Melayu (Atma) sebagai sekretariat bagi memulakan kerjasama strategik untuk mengembangkan aspek-aspek penting tamadun alam Melayu ke peringkat antarabangsa," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Noraini berkata, program pengembangan Bahasa Melayu di IPT di negara-negara ASEAN ini dapat melonjakkan taraf dan peranan bahasa Melayu sebagai bukan sahaja lingua franca bahkan sebagai bahasa ilmu dan bahasa bernilai ekonomi di rantau ini, dengan kira-kira 300 juta penutur bahasa Melayu di negara-negara induk bahasa Melayu dan di negara ASEAN lain yang mempunyai komuniti berbahasa Melayu.

Disiarkan pada: Mac 7, 2022 @ 5:43pm